

**BAB II****2.0 TINJAUAN TERHADAP KAJIAN YANG BERKAITAN****2.1 Pengenalan**

Analisis kesilapan bahasa muncul sebagai satu bidang dalam strategi pengajaran bahasa bermula dalam tahun 1960-an iaitu setelah tersiarinya tulisan Corder (1967) bertajuk ‘The Significance of Learner’s Error’ (Raminah Hj. Sabran: 1997/88 :58)

Analisis kesilapan ini berguna kepada guru untuk mendapat maklumat serta asas penilaian tentang penguasaan bahasa pelajar, di samping untuk mengetahui keberkesanan pengajaran guru itu sendiri. Analisis kesilapan juga dapat membantu guru mengenali jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar tertentu yang berpunca daripada berbagai-bagai sebab di samping memberi panduan kepada guru tentang cara untuk mengatasi kelemahan tersebut. Kajian-kajian yang dijalankan meliputi berbagai-bagai aspek seperti sebutan, binaan perkataan, binaan ayat, ejaan, tanda bacaan, penggunaan perkataan dan sebagainya.

Oleh itu, dalam bab ini dimuatkan beberapa hasil kajian yang telah dilakukan di barat dan juga di timur, khususnya di Malaysia. Aspek yang diberi tumpuan dalam kajian ini tentang analisis kesilapan ayat.

## 2.2 Dapatan Kajian Barat


Terdapat ramai pengkaji yang membuat kajian tentang aspek kesilapan bahasa namun demikian hanya sebilangan kecil sahaja pengkaji tersebut yang membuat kajian tentang aspek sintaksis.

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh kebanyakan penyelidik, adalah jelas bahawa analisis kesilapan menjadi semakin popular, baik kajian secara empirikal mahupun kajian yang bercorak teorikal.

Analisis kesilapan merupakan kajian ke atas kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar dalam mempelajari bahasa sama ada bahasa pertama ataupun kedua. Kesilapan-kesilapan itu wujud kerana pelajar belum betul menguasai rumus tatabahasa yang dipelajari itu.

Analisis kesilapan julung-julung kali diperkenalkan oleh W.R. Lee pada tahun 1957 (Schacter dan Celce-Murcia: 1977) dan menjadi popular dalam tahun-tahun 1970-an. Dengan terbitnya The Singificance of Learner's Errors hasilan Pit Corder pada tahun 1967, analisis kesilapan mula muncul sebagai satu teori dan kaedah yang bermanfaat kepada pedagogi bahasa dan kajian terhadap pemelajaran bahasa. Analisis kesilapan telah menjadi topik popular untuk kajian empirikal dan perbincangan teoritis.

Menurut George (1972), analisis kesilapan timbul daripada model Peti Hitam hasilan ahli psikologi ( Lihat Rajah I ).



(George: 1972:42)

Peti Hitam itu menandakan proses yang terlibat dalam pemelajaran bahasa. Mengikut model ini, diandaikan bahawa untuk mempelajari sesuatu peraturan data bahasa yang didedahkan kepadanya, sistem ini dapat digunakannya.

Kesilapan-kesilapan merupakan bukti tentang sifat proses dan peraturan serta kategori yang digunakan oleh pelajar di peringkat tertentu dalam kursus itu (Corder: 1967: 167). Oleh itu, sekiranya seseorang itu ingin mengkaji sistem bahasa pelajar, maka dia harus mendapat kunci sistem itu dengan menganalisis kesilapan-kesilapan yang timbul.

### 2.3 Jenis-jenis Kesilapan Bahasa

Kajian-kajian tentang kesilapan bahasa telah mencadangkan beberapa punca dan sumbernya. Corder (1974) telah membezakan tiga jenis kesilapan bahasa, kesilapan pemindahan merupakan kesilapan yang disebabkan oleh bahasa natif manakala kesilapan analogi menunjukkan peranan cergas seseorang pelajar dalam menguji hipotesis tentang peraturan bahasa. Akhirnya, kesilapan dorongan pengajaran yang diakibatkan oleh sukanan pelajaran yang tidak lengkap dan pengajaran yang salah dan tidak sempurna.

Richards (1971a) membahagikan kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar kepada tiga kategori

I kesilapan antara bahasa (interlingual errors)

II kesilapan berkembang (developmental errors)

III kesilapan dalam bahasa (intralingual errors)

Kesilapan (II) dan (III) timbul akibat daripada proses generalisasi yang melampau dengan bahasa sasaran, kejahilan tentang sekatan peraturan bahasa, penggunaan peraturan bahasa secara tidak sempurna serta membuat andaian yang salah terhadap konsep-konsep bahasa.

Sementara Mackey mengemukakan pemelajaran tidak lengkap dan kekeliruan. Berbanding George (1972) telah mengelaskan kesilapan bahasa kepada dua kategori utama yang diakibatkan oleh tanggapan berulang atau persepsi redundansi dan gangguan.

Kategori beliau meliputi kesilapan yang bercirikan pengguguran atau omisi. Namun George gagal untuk membuat perbezaan wajib (obligatory distinction) dan jenis-jenis analogi tertentu. Beliau menggunakan gangguan untuk mencakupi pengaruh bahasa natif dan pengaruh daripada unsur-unsur bahasa kedua.

Corder (1973b – 1974) telah mengelaskan lima kategori penganalisisan kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar

I Pengenalan

II Pentaksiran

III Pembinaan semula

IV Penggolongan

V Penjelasan

Tahap pengenalan melibatkan usaha mengenali kesilapan-kesilapan bahasa dengan mendahului interpretasi ujaran pelajar. Penaksiran yang dibuat oleh sampel mungkin dapat mengenali kesilapan itu. Standardisasi berdasarkan dekontekualisme harus dilakukan untuk memudahkan kerja-kerja pembinaan semula. Ketika menentukan jenis kesilapan bahasa itu pada tahap penggolongan penyelidik cuba melihat peraturan-peraturan dan sistem yang digunakan oleh sampel. Untuk mengetahui punca dan sumber kesilapan bahasa secara linguistik dan psikolinguistik daya usaha perlu ditumpukan pada tahap penjelasan.

Pada umumnya penyelidik-penyalidik lain bersepakat bahawa kebanyakan pelajar terbabit dalam dua jenis kesilapan tetapi mereka menggunakan atau menyarankan klasifikasi dan peristilahan yang berbeza-beza.

I Kesilapan-kesilapan yang dapat dikesan dengan bahasa natif.

II Kesilapan-kesilapan yang berguna sebagai satu tanda perkembangan peraturan bahasa pelajar.

Kesilapan bahasa sebenarnya boleh memberi manfaat kepada pelajar kerana kesilapan ini boleh menyumbangkan sejauh manakah pemerolehan bahasa oleh pelajar selanjutnya dapat diketahui tahap latihan yang perlu diberikan.

Bentuk bahasa yang salah dihasilkan oleh pelajar dikategorikan sebagai kesilapan kemampuan atau kesilapan penampilan (Corder 1981). Seterusnya beliau menyifatkan kesilapan yang berulang-ulang dan sistematik dianggap sebagai "breaches of the code" yang seterusnya membayangkan kemampuan peralihan pelajar itu. Kesilapan (mistake) dan keterlanjuran (lapses) pula disifatkan sebagai kesilapan penampilan. Kehadiran kesilapan ini tidak menandakan satu kecacatan pengetahuan bahasa pada seseorang pelajar kerana kesilapan itu wujud secara rawak dan tidak sistematik. Kewujudan kesilapan ini mungkin disebabkan oleh lupaan atau keadaan psikologi seperti emosi kuat, sementara keterlanjuran atau kesilapan yang tidak disengajakan seperti *slips of tongue*. Kesilapan dapat dibaiki oleh penutur apabila pemerhatian yang sewajarnya diberikan kerana kesilapan dan keterlanjuran bukanlah akibat daripada faktor kecacatan pengetahuan tentang peraturan bahasa itu. Kekurangan pengetahuan

kesalahan bahasa sementara kekurangan kawalan akan membawa kepada kesilapan bahasa (Bialystok dan Sharwood-Smith: 1985).

Corder (1979) yang dapat memerhatikan ketidaktekalan dalam penghasilan kesilapan atau kesalahan bahasa telah cuba membezakan kesilapan prasistematik dan postsistemmatik. Kesemua ini berdasarkan kepada kebolehan pelajar dalam mengenal pasti membetulkan dan menjelaskan sebab-sebab kesilapan bahasa itu. Seorang pelajar tidak menyedari peraturan-peraturan dan sistem dalam dalam bahasa itu, pada tahap prasistematik, maka penyelesaian kesilapan bahasa tidak dapat dilakukan.

Setelah pelajar menemui peraturan-peraturan bahasa pada tahap sistematik, maka hipotesis dapat dibina berdasarkan pengetahuan bahasa yang telah diperolehi. Kesilapan bahasa dianggap sebagai kesilapan penampilan apabila pada tahap postsistemmatik, pelajar yang telah dapat menguasai peraturan bahasa tetapi masih menghasilkan struktur bahasa yang menyimpang.

Terdapat juga pelajar yang menghasilkan struktur-struktur bahasa yang mungkin betul berstruktur tetapi salah konteksnya. Kesilapan ini wujud apabila struktur bahasa yang betul berstruktur itu itu tidak dapat menerangkan maksud yang hendak disampaikan oleh pelajar itu mengikut konteks yang sebenarnya. Kesilapan terselidung (*covert error*) akan menyerlah apabila pelajar mendapat jawapan yang dihasilkan oleh pelajar untuk menerangkan maksudnya terang-terang telah melanggari peraturan bahasa. Kesilapan ini dikategorikan sebagai kesilapan ketara.

## 2.4 Model-model Teoritis Analisis Bahasa

Sebagai landasan menganalisis kesilapan bahasa dalam karangan pengkaji menggunakan tiga model teori linguistik. Model-model tersebut iaitu model linguistik deskriptif, model teori linguistik struktural (Teori Behaviorisme) yang mendasari aliran mekanisme dan model Teori Transformasi Generatif yang mendasari aliran mentalisme atau vitalisme.

Bagi menganalisis menghuraikan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam konstituen-konstituen ayat model teori linguistik deskriptif digunakan. Huraian tentang kesilapan-kesilapan bahasa menurut aspek tertentu seperti kata, frasa, klausa dan sebagainya boleh dilakukan dengan cara ini.

Terdapat persamaan antara model teori linguistik deskriptif dan teori linguistik struktural dari segi pemenggalan atau segmentasi unit-unit bahasa. Model teori struktural ini diterapkan bagi tujuan menganalisis bahasa karangan pelajar menurut bahagian-bahagian tertentu.

Model seterusnya yang menunjangi kajian ini ialah model teori linguistik transformasi generatif. Model ini telah dibaiki iaitu Teori Standard yang diperluas (the Extended Standard Theory) (Chomsky: 1952, Jackendoff 1972 dalam Mohd. Salehuddin: 1973: 42). Berdasarkan model ini pengkaji membuat panduan untuk menginterpretasikan salah-betul segmen-segmen ayat atau keseluruhan ayat berdasarkan konsep struktur luaran (surface) dan struktur dalaman ayat dibantu dengan persepsi intuitif terhadap struktur dalaman ayat yang dianalisis. Dengan cara ini, ketentuan dapat dilakukan sama ada ayat tertsebut berparafrasa atau berketaksaan (Nik Safiah Karim, dll. : 1986c: 200)

#### 2.4.1 Teori Linguistik Deskriptif

Teori Linguistik Deskriptif dipelopori oleh seorang ahli bahasa Swiss bernama Ferdinand de Saussure (1858-1913). Beliau dianggap sebagai pendiri linguistik deskriptif dan dikatakan telah meletak dasar-dasar yang kuat pada ilmu linguistik moden.

Menurut de Saussure kajian bahasa merupakan fakta sosial. Dalam teori linguistik deskriptif menerangkan bahawa *speech act* sebagai satu rangkaian hubungan antara dua orang atau lebih iaitu penutur A dan pendengar B. Kedua-dua kaedah ini dapat menentukan pola-pola bahasa ke dalam unit-unit yang dianalisis. Pola-pola itu boleh sintagmatik iaitu pola tersusun berturut-turut dalam arus ucapan, atau boleh paradigmatis, iaitu hubungan antara unit-unit yang menduduki tempat yang sama dalam arus ucapan (Mangantar Simangjuntak: 1976 :109). Oleh itu, kaedah ini sesuai untuk dalam analisis linguistik (kajian bahasa) berdasarkan pembahagian atau segmentasi, dan penggolongan atau klasifikasi. Dengan memakai kedua-dua kaedah ini dapat ditentukan pola-pola bahasa ke dalam unit-unit dianalisis itu.

Pembentukan ayat tidak semata-mata pemerolehan bahasa (*langue*), tetapi lebih banyak urusan bertutur (*parole*). Oleh itu pembentukan ayat merupakan satu proses penciptaan bebas, tanpa dibataskan oleh rumus-rumus linguistik. Dalam konteks analisis kesilapan bahasa dalam kajian ini, ayat-ayat yang dianalisis disegmenkan kepada segmen-semen tertentu menurut golongannya. Penemuan kesilapannya berdasarkan kepada golongan tersebut.

#### 2.4.2 Teori Linguistik Behaviorisme

Teori ini dikenali juga sebagai Teori Linguistik Bloomfield (1887-1949). Seorang ahli bahasa yang memberikan nama American Structuralisme (Lepschy Ginlio: 1970: 84) Pembelajaran bahasa mengikut Teori Linguistik Behaviorisme melalui pengumpulan tabiat, yakni pembentukan kebiasaan yang berkaitan antara rangsangan (R) dengan gerak balas (G). Rangsangan menyebabkan semua gerak balas pembelajaran bahasa berlaku. Gerak balas merupakan aktiviti yang dapat diperhatikan. Seorang itu dikatakan belajar daripada perlakuan baru atau perubahan perlakuan, sama ada dengan menguatkan atau melemahkan pola perlakuan yang lama hasil daripada latihan. Dalam pembentukan kebiasaan pengukuhan merupakan unsur yang penting dengan kehadiran rangsangan. Secara skema, pembelajaran bahasa dapat dirajahkan seperti berikut;

R..... g...r.....G

Teori Linguistik Bloomfield bererti juga struktural atau linguistik deskriptif struktural (Lim Kiat Boey: 1975:27). Penganalisan bahasa menurut teori ini berpandukan data korpus yang dapat diuji. Tujuannya untuk menghuraikan sesuatu contoh (sampel) sesuatu bahasa dan bukan untuk menghuraikan seluruh bahasa itu. Oleh itu, Bloomfield menitikberatkan kajiannya tentang ayat dalam seluruh bahasa yang dikaji. Kesimpulannya, teori menganalisis bahasa dengan melihat bahagian-bahagian dan hubungannya antara satu bahagian dengan bahagian yang lain. Analisis ini juga dikenali sebagai Analisis Konstituen Terdekat.

Dalam kajian ini, kaedah analisis mengikut teori ini sesuai dijalankan. Berdasarkan teori ini, huraihan tentang kesilapan bahasa pelajar dilakukan dengan mengklasifikasikan kesalahan mengikut jenis-jenis (golongan) tertentu dan kaitan kesalahan golongan tersebut dengan bahagian-bahagian yang lain dalam ayat.

#### **2.4.3 Teori Transformasi Generatif**

Dipelopori oleh Chomsky. Teori ini mengandungi teori-teori linguistik dasar-dasar menilai sesuatu bahasa. Berdasarkan unsur *Linguistic Competence* dan *Linguistic Performance* sebagai Diaktomi dapat dibezakan sesuatu jenis struktur ayat daripada struktur ayat yang lain. Penutur dapat mengenal kegramatisan ayat sama ada ayat tersebut berparafrasa atau bertaksaan secara intuitif.

**Contohnya:**

**I Saya menangkap ayam itu.**

**II Ayam itu saya tangkap.**

Ayat I dan II dianggap ayat berparafrasa kerana kedua-dua ayat itu memberikan makna yang sama walaupun ayat pertama berstruktur aktif berbanding ayat kedua berstruktur pasif.

Sementara dua ayat contoh yang berikut mempunyai struktur yang sama

**I Baginda memperisteri Puteri Bongsu.**

**II Baginda memperisterikan Putera Sulungnya.**

Ayat I dan II di atas tidak memberikan makna yang sama. Ayat I, Baginda menjadikan Puteri Bongsu sebagai permaisurinya, berbanding ayat II Baginda menjadikan putera sulungnya beristeri. Oleh itu, teori ini menentukan tiga faktor yang berkaitan bagi menentukan kegramatisan ayat iaitu;

- I Struktur lahir
- II Struktur dalaman
- III Struktur makna

Oleh itu, penggunaan ketiga-tiga teori linguistik yang tertera di atas diterapkan dalam kajian ini, bertujuan untuk menjamin ketepatan penganalisisan yang menyeluruh dan tepat.

## **2.5 Pandangan Am Pengkaji-pengkaji Barat Tentang Analisis Kesilapan**

Menurut Sharma (1981: 21-25), kajian tentang kesalahan bahasa lazimnya disebut sebagai *error analysis* yakni analisis kesalahan bahasa berdasarkan perhitungan kekerapan kesalahan aspek-aspek tertentu. Beliau berpendapat bahawa kesalahan bahasa terbahagi kepada tiga jenis;

Pertama kesalahan bahasa yang selalunya disebut *error* atau *lapse* dalam bahasa Inggeris. Kesilapan jenis ini disebabkan oleh beberapa faktor ‘extralinguistics’ seperti lupa, gangguan emosi, kelalaian dalam proses penerimaan pengajaran dan kurang latihan. Kedua kesalahan bahasa disebabkan oleh adanya kelainan-kelainan dalam penggunaan sesuatu bahasa sama ada dari segi penggunaan aspek kata maupun penggunaan aspek

ayat. Ketiga kesilapan bahasa yang berkait rapat dengan faktor-faktor sosiolinguistik seperti penggunaan laras bahasa dan dialek.

Seperkara yang tidak disebut oleh beliau tentang kesilapan bahasa yang disebabkan oleh kekeliruan atau ketidakmampuan seseorang pengguna bahasa sama ada dalam bahasa pertama atau kedua.

Kesalahan bahasa boleh berlaku kerana seseorang terkeliru akan bentuk-bentuk bahasa yang salah, atau menyalahi bentuk baku yang lazim digunakan secara formal oleh golongan terpelajar atau juga kerana kecacatan emosi dan fizikal yang dialami oleh seseorang pengguna bahasa.

George (1972) menyatakan kesalahan yang bersifat *redundant* bukan sahaja oleh penutur bahasa pertama tetapi juga oleh penutur bahasa kedua. Begitu juga halnya dengan gangguan.

French (1955) menyatakan analisis kesilapan dapat dijadikan sumber maklumat tentang tingkat penguasaan bahasa pelajar. Terdapat tiga proses yang menjadi punca kesilapan itu.

- 1 Pelajar menggunakan struktur atau bentuk-bentuk bahasa yang salah.
- 2 Pelajar menggunakan logik dan fikiran dalam menentukan perkataan atau bentuk untuk memutuskan sesuatu yang menjadi kekeliruan.
- 3 Pelajar tidak mengetahui atau terkeliru makna perkataan dan oleh sebab itu pelajar menggunakannya dengan salah.

Ellis (1987) (dalam Che Radiah Mezah :1995) analisis kesilapan berbahasa suatu prosedur yang digunakan oleh para peneliti dan para guru yang mencakup pengumpulan sampel bahasa pelajar, penggunaan dan kesilapan yang terdapat dalam sampel tersebut. Penguraian kesilapan itu, berdasarkan sebab-sebabnya yang telah diandaikan dan penilaian kesungguhannya.

Setiap individu melakukan kesalahan bahasa. Hal ini terjadi kerana pengetahuan bahasa setiap individu itu sentiasa berkembang sejak ia mula tahu bertutur hingga ke akhir hayatnya. Dalam proses perkembangan bahasa itu, ia melakukan kesalahan berbahasa. Kesalahan itu pula berguna kepadanya kerana

*"... kesalahan itu adalah satu cara pengguna bahasa menguji hipotesis tentang bahasa yang dipelajarinya. Melakukan kesalahan adalah strategi yang digunakan oleh kanak-kanak memperoleh bahasa ibundanya".*

(Corder: 1977: 25)

### **2.5.1 Dapatan Kajian**

Pengkaji meneliti beberapa dapatan kajian tentang sintaksis yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji Barat. Mengikut kajian Charters dan Miller (1915), Ashfield (1922) dan Guiler (1926) (dalam Rajie Abdul Hadi) telah membandingkan jumlah kekerapan kesalahan bahasa secara peratus menurut jenis-jenis kesalahan yang termasuk

juga kesalahan ejaan, penggunaan huruf besar (tulisan rumi) dan kesalahan pada tanda bacaan.

Suhne (1923) ( dalam Mohd Salehuddin: 1993:15) telah menganalisis bentuk dan sintaksis karangan yang ditulis oleh murid gred 3-6 di sekolah-sekolah di New Orleans. Jumlah sampel beliau ialah 8,618 orang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan. Beliau telah membandingkan penggunaan sintaksis di antara kedua-dua kumpulan itu dan mendapati pelajar lelaki lebih banyak membuat kesilapan daripada pelajar perempuan. Jenis kesilapan yang umum mereka lakukan pula (bagi pelajar lelaki dan perempuan) iaitu dari segi bentuk (forms) dan sintaksis.

La Brant (1933) (dalam Mohd Salehuddin: 1993:15) menganalisis ayat yang ditulis oleh 968 orang kanak-kanak yang berumur 8 tahun ke atas dari sekolah-sekolah di Amerika. Beliau telah menjadikan klausa sebagai unit asas penganalisisan ayat kompleks kanak-kanak. Beliau berpendapat dengan bertambah klausa kecil maka bertambah matang pelajar di samping itu penggunaan ayat yang lebih kompleks dan kejelasan buah fikiran juga bertambah. Penemuan La Brant masih diragui oleh penyelidik lain seperti Hunt (1965) kerana apabila kajian ini dilakukan kepada pelajar-pelajar gred 8 dan 12 didapati penggunaan predikat setara mereka semakin menurun. Pelajar yang lebih tinggi peringkat umur didapati hanya menggunakan dua pertiga sahaja daripada predikat setara yang digunakan oleh pelajar yang lebih muda usianya.

Herrick dan Jacob (1955) mendapati bahasa lisan dan tulisan kanak-kanak semakin meningkat bersama peningkatan usia. Ayat-ayat yang digunakan semakin bertambah panjang, jumlah ayat berlapis dan berkait semakin bertambah dan jumlah ayat

dasar semakin berkurangan. Kanak-kanak didapati kurang menggunakan ayat-ayat yang salah tatabahasanaya selepas gred empat, serta ayat yang dimulakan dengan 'I' (saya).

Harrel (1957) mengkaji penggunaan bahasa lisan dan penulisan di kalangan murid yang berumur antara 9-16 tahun dengan menggunakan tayangan gambar. Hasil dapatan kajianya didapati bahawa terdapat kaitan antara perkembangan umur dengan penggunaan ayat. Bersesuaian dengan pendapat Loban (1963) didapati bahawa kanak-kanak menghadapi kesulitan untuk nenyesaikan subjek dan predikat dan penentuan jenis kata kerja bagi orang ketiga tunggal. Kebanyakan kanak-kanak cekap menggunakan struktur ayat yang biasa digunakan oleh orang dewasa apabila mereka berumur 10 tahun (Chomsky: 1969 ).

Wyatt (1973: 188) membuat kajian tentang bentuk-bentuk kesilapan yang dilakukan oleh pelajar di Afrikan Timur sebelum mereka mengambil peperiksaan 'East African Certificate of Education'. Sampel beliau, semua buku karangan pelajar kelas 4C yang berjumlah 52 buah semuanya, ditulis sejak mereka di tingkatan 3. Pelajar-pelajar ini mempunyai tahap penguasaan bahasa Inggeris yang sederhana. Didapati kesilapan-kesilapan dalam karangan ini dikategorikan kepada empat belas jenis kesalahan dan dikira kekerapannya.

## 2.6 Kajian Analisis Kesilapan di Malaysia

Terdapat perkaitan yang rapat antara penguasaan bahasa kanak-kanak dengan perkembangan peringkat umur. Pada tiap-tiap peringkat umur, pemerolehan dan penguasaan bahasa seseorang kanak-kanak dipengaruhi oleh bahasa yang digunakan oleh orang-orang yang lazim berada di sekelilingnya (Atan Long: 1978).

Awang Sariyan (1984b) telah membuat kajian tentang kesalahan bahasa yang bertajuk Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia. Kajiannya yang menyentuh aspek ayat iaitu ayat inti, ayat tanya, ayat pasif dan ayat berklusa. Seterusnya (1987: 620) dapatan kajiannya tentang aspek bahasa dalam peperiksaan berdasarkan karangan, didapati masih terdapat kelemahan-kelemahan dalam bidang penggunaan sintaksis. Terdapat kelemahan pelajar dalam daerah tanda bacaan, menggunakan imbuhan dan membina ayat (Awang Mohd. Amin: 1982: 118).

Kajian Yap Soon Hock (1973:183) (dalam Mohd Salehuddin: 1993: 45) dianalisis dengan mencari peratus kekerapan kesalahan tiap-tiap aspek bahasa termasuk struktur ayat. Kajian ini juga membandingkan prestasi purata pelajar contohnya menurut jantina dan ras.

Othman Zakaria (1979: 199) telah menganalisis penggunaan pola-pola ayat di sekolah-sekolah Kuala Lumpur. Hasil analisis menunjukkan 94.3 peratus ayat yang ditulis oleh mereka betul. Hanya 7.54 peratus sahaja daripada ayat-ayat tersebut salah struktur. Pola ayat selapis menunjukkan kekerapan kesalahan yang paling tinggi. Dalam kajian ke atas pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M.), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (S.T.P.M.) dan Kelas Persediaan (Matrikulasi) daripada keturunan Melayu, China, India, Benggali dan lain-lain didapati pelajar banyak melakukan kesalahan dalam penulisan ayat tunggal dan ayat majmuk, ayat aktif dan ayat pasif (Abdul Hamid Mahmood : 1993).

Kesalahan ini dilakukan oleh pelajar China India dan Benggali. Ayat-ayat yang ditulis janggal dan menyalahi hukum tatabahasa (Pelita Bahasa, Jun: 1089:40). Kesalahan ini wujud akibat pelajar kurang membaca atau merujuk buku-buku, kamus atau bahan

umum yang terdapat dalam bahasa Melayu. Kesalahan ini juga disebabkan oleh pengaruh bahasa percakapan harian.

Koh Boh Boon (1975) telah juga mengkaji kesalahan yang lazim dilakukan oleh pelajar bukan Melayu yang akan mengambil peperiksaan M.C.E (Malayan Certificate Education). Beliau mendapati bahawa pelajar bukan Melayu lemah dalam penggunaan imbuhan. Mereka menghadapi masalah apabila menggunakan 'ber' , 'me', 'di', 'ter' 'kan' dan lain-lain. Mereka juga didapati membuat kesalahan ejaan. Kesimpulan kajian didapati pengetahuan pelajar tentang maksud imbuhan tidak semestinya membantu mereka menggunakan imbuhan yang betul.

Sementara kajian tentang penggunaan ayat yang tidak lengkap iaitu ayat yang tiada subjek atau tiada predikat ditemui dalam kajian beberapa orang pengkaji. Kamaruddin Husin (1986) telah membuat kajian tentang penguasaan bahasa Melayu di kalangan guru pelatih bukan Melayu di empat buah maktab perguruan di Kuala Lumpur. Sampel kajian sebanyak 160 orang, iaitu guru pelatih China sebanyak 100 orang (42 lelaki dan 58 perempuan) dan guru pelatih India 60 orang (25 lelaki, 50 perempuan) menulis dua buah karangan yang panjangnya lebih kurang 250 patah perkataan. Dapatan kajian beliau mendapati bahawa 70 peratus jumlah kesalahan dilakukan dalam pembentukan struktur ayat selain kesalahan penggunaan perkataan, pembentukan rangkai kata dan kesalahan ejaan.

Kajian Awang Mohd. Amin (1982) tentang kesalahan umum penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama di kalangan pelajar-pelajar Melayu peringkat menengah atas. Sampel kajian seramai 120 orang lelaki dan perempuan yang belajar di empat buah sekolah menengah kebangsaan Wilayah Persekutuan Selangor. Bahan kajian ialah 2 buah

karangan, Ujian Awal dan Ujian Ujian Akhir. Dapatan menunjukkan pelajar-pelajar bandar lebih banyak melakukan kesalahan daripada pelajar-pelajar desa. Pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesalahan daripada pelajar perempuan. Dalam aspek kesalahan kata, analisis menunjukkan kesalahan imbuhan merupakan kesalahan yang paling tinggi kekerapannya dan dalam aspek kesalahan ayat pula, kesalahan ayat pasif yang paling banyak dilakukan.

Sementara itu, Mat Daud Yusof (1990) telah membuat kajian tentang 'Penguasaan Bahasa Melayu Baku di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua di Maktab Sultan Ismail Kota Baharu Kelantan. Seramai 78 orang sampelnya berasal dari bandar dan luar bandar menulis dua buah karangan. Beliau mendapati sampelnya lemah dalam aspek sintaksis. Mereka melakukan kesalahan dengan menulis ayat yang tiada subjek atau tiada predikat binaan ayat juga terpengaruh oleh susuk ayat bahasa lain, dan ayat yang dipengaruhi oleh dialek yang lebih mirip kepada ayat-ayat bahasa kolokial.

Selain itu, kesalahan ayat tergantung atau tiada subjek atau predikat ditemui juga dalam kajian Alias Shamsudin (1969), Daud Taha (1992) dan Pangiran Mahmud Pangiran Damit (1992).

Kesilapan pemakaian ayat-ayat yang kompleks seperti ayat majmuk pula dibuktikan dalam kebanyakan kajian pengkaji. Kesalahan jenis ayat ini terjadi kerana penggunaan kata hubung yang tidak betul bagi menyambung ayat tunggal, ayat majmuk gabungan, dan ayat majmuk pancangan. Kekerapan kesalahan ayat yang tinggi dalam kesalahan menggunakan ayat majmuk jenis ini terdapat dalam kajian Abdul Hamid Mahmood, Awang Mohd Amin, Mat Daud Yusof, Daud Taha dan Schachter (1974).

Raja Mukhtaruddin (1967) telah membuat kajian terhadap mahasiswa Universiti Malaya yang belum pernah mempelajari bahasa Melayu baku, beliau mendapati bahawa kesilapan bahasa yang utama ialah kesilapan pembentukan ayat, frasa dan pengimbuhan kata.

Berhubung dengan kesalahan ayat bahasa Melayu yang disadur daripada susuk ayat asing para pengkaji mendapati struktur ayat demikian di pengaruhi oleh susuk ayat bahasa Inggeris, bahasa basahan, dialek atau bahasa kolokial. Bentuk kesalahan ini diperolehi dalam kajian Awang Mohd Amin (1982), Kamaruddin Hussin (1986), Abdul Hamid Mahmood (1989) dan Mat Daud Yusof (1990).

Kelemahan menulis ayat aktif dan pasif dibuktikan dalam dapatan Abdul Hamid Mahmood. Dapatan beliau ini hampir sama dengan dapatan Awang Mohd Amin yang mengkaji Kesalahan-kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Melayu Sebagai Ekabahasa di Kalangan Pelajar Melayu Tingkatan Empat Peringkat Sekolah Menengah Atas Petaling Jaya dan Batang Berjuntai, Selangor.

Satu perkara yang jelas ialah bahawa kesalahan struktur ayat oleh sampel yang dikaji terjadi disebabkan kesilapan menggunakan tanda baca yang betul lagi tepat (Leonard, 1934, Kadir Amin, 1985, Daud Taha 1992, dan Pagiran Damit 1992).

Mohd Salehuddin (1993) membuat kajian tentang kesalahan tatabahasa bahasa Melayu di kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Atas, Melaka mendapati kesalahan struktur ayat majmuk campuran paling tinggi. Perbandingan kesalahan mengikut jantina pula, pelajar lelaki lebih banyak membuat kesalahan bahasa berbanding pelajar perempuan.

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian lepas tidak syak lagi bahawa aspek morfologi dan sintaksis sering menimbulkan kesulitan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kesulitan itu terutamanya jenis-jenis ayat atau ayat saduran asing di kalangan pelajar-pelajar rendah, menengah, prauniversiti atau institusi pengajian tinggi.